

05 AUG 1998

Komanwel-Sukarelawan

SUKARELAWAN MINTA PM BUAT KENYATAAN PELEPASAN CUTI

Oleh: Zaiful Mohd Ariffin

KUALA LUMPUR, 5 Ogos (Bernama) -- Sukarelawan Nadi `98 hari ini meminta supaya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat satu kenyataan terhadap syarikat-syarikat swasta supaya memberi pelepasan cuti kepada mereka ketika berlangsungnya Sukan Komanwel ke-16 di sini dari 11 hingga 21 September ini.

Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini bersetuju dengan cadangan yang disuarakan sukarelawan dan akan memaklumpkannya kepada Perdana Menteri secepat mungkin.

"Saya memandang serius terhadap masalah ini kerana sukarelawan adalah nadi utama dalam usaha menjayakan penganjuran Sukan Komanwel nanti...saya akan memaklumpkannya kepada Perdana Menteri," katanya ketika menghadiri taklimat bersama ketua-ketua sukarelawan Nadi `98 di Kompleks Akuatik Nasional, Bukit Jalil di sini hari ini.

Menurut Muhyiddin kementerianya memandang serius terhadap masalah pelepasan cuti kepada sukarelawan yang sepatutnya telah diselesaikan sejak awal lagi. Katanya pihak Sukom Ninety Eight Berhad (Sukom) akan menghubungi majikan-majikan yang masih belum mengesahkan pelepasan cuti sukarelawan bagi menyelesaikan masalah itu.

"Saya berharap masalah ini akan ditangani segera supaya tidak menjejaskan kelancaran perjalanan organisasi sukarelawan ketika berlangsungnya temasya Sukan itu nanti," kata Muhyiddin.

"Saya minta kepada sukarelawan yang menghadapi masalah ini agar dapat memaklumpkannya kepada kita supaya langkah selanjutnya dapat diambil oleh Sukom," katanya.

16,000 sukarelawan telah dipilih untuk membantu negara merealisasikan impian sebagai penganjur terbaik Sukan Komanwel sepanjang zaman.

Sementara itu pengerusi eksekutif Sukom Tan Sri Hashim Mohd Ali berkata, kesemua sukarelawan yang terbabit akan mendapat tiket percuma bagi pengangkutan Sistem Aliran Transit Ringan (STAR) dan perkhidmatan komuter.

"Saya telah mengadakan perbincangan dengan STAR dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) mengenai perkara ini dan mereka telah bersetuju untuk memberikan perkhidmatan percuma kepada sukarelawan selama 14 hari bermula 9 September depan," katanya.

Katanya tiket percuma itu adalah sumbangan Sukom dan STAR.

-- BERNAMA

ZMA ZAB